

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PELANCARAN PROGRAM
TUISYEN RAKYAT@KKLW TAHUN 2016**

**DEWAN JUBLI PERAK,
KUALA KANGSAR
PERAK**

1 JUN 2016 (RABU)

WAKTU KETIBAAN : 11.00 PAGI

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum wbt
Salam sejahtera

SALUTATION(atas rostrum)

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya jua kita dapat berkumpul di dalam Majlis Pelancaran Tuisyen Rakyat@KKLW di Kuala Kangsar pada hari ini.
2. Saya amat berbesar hati dan mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana menjemput saya ke majlis ini, seterusnya memberi saya peluang untuk berinteraksi dengan tuan-tuan dan puan-puan secara langsung.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

3. KKLW sebenarnya telah lama melaksanakan program-program berbentuk tuisyen atau kelas bimbingan di bawah agensi- agensinya seperti MARA, RISDA dan sebagainya. Malah, MARA sendiri melalui Yayasan Pelajaran MARA (YPM) telah pun melaksanakan program seumpama ini sejak penubuhannya pada tahun 1969.
4. Apabila saya menerajui Kementerian ini, saya melihat terdapat keperluan supaya semua program tuisyen atau kelas bimbingan yang dilaksanakan oleh agensi di bawah KKLW diselaraskan agar pelaksanaannya lebih menyeluruh dan berkesan.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Bagi memastikan pelajar di luar bandar mempunyai kemudahan/fasiliti yang sama taraf seperti di bandar, Tuisyen Rakyat@KKLW akan dilaksanakan secara menyeluruh di seluruh negara kepada pelajar-pelajar di luar bandar melalui agensi-agensi di bawah Kementerian seperti YPM, RISDA, FELCRA, KETENGAH, KEDA dan lain-lain. Untuk tujuan ini, Kementerian menyasarkan sekurang-kurangnya terdapat satu (1) pusat tuisyen di setiap kawasan parlimen, yang mana pelajar-pelajar terpilih akan menikmati pembelajaran tambahan secara percuma.

6. Malah pada masa ini, pihak YPM dan RISDA telah pun menyediakan sebanyak 348 pusat tuisyen di seluruh negara. Jadi saya melihat hasrat tersebut (iaitu 1 parlimen; 1 pusat tuisyen) adalah hampir tercapai tetapi masih memerlukan penambahbaikan dan perlu diperluaskan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Pelaksanaan program ini secara khususnya menyasarkan pelajar-pelajar yang berprestasi sederhana dan lemah di kawasan luar bandar dari kalangan keluarga berpendapatan rendah (kurang dari RM 3,500 sebulan) yang akan menduduki peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Bagi mengenal pasti pelajar-pelajar yang memerlukan bimbingan melalui tuisyen ini, agensi-agensi pelaksana akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan melalui Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).

8. Pelaksanaan Tuisyen Rakyat@KKLW akan memberikan tumpuan kepada mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains untuk pelajar yang akan menduduki

peperiksaan UPSR. Manakala, bagi peperiksaan SPM fokus adalah kepada lima (5) mata pelajaran berikut; Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Sejarah.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Bagi menggerakkan usaha ini, sejumlah RM8.0juta telah diperuntukkan untuk pelaksanaan program Tuisyen Rakyat@KKLW pada tahun ini melalui agensi-agensi di bawah KKLW. Adalah diunjurkan lebih 30,000 pelajar akan memperoleh manfaat melalui program ini. Selain daripada tuisyen mingguan, program ini juga menyediakan seminar kecemerlangan seperti; teknik menjawab peperiksaan, kelas intensif, motivasi sebagai persediaan tambahan sebelum menghadapi peperiksaan.

10. Sesungguhnya, usaha untuk meningkatkan prestasi pencapaian pelajar-pelajar ini, memerlukan sokongan, penglibatan dan komitmen semua pihak. Bukan sekadar guru dan pelajar; malah peranan yang lebih penting adalah ibu bapa sebagai agen pendorong kepada anak-anak. Oleh yang demikian, saya percaya bahawa semua ibu bapa akan memberikan dorongan dan semangat kepada anak-anak untuk mencipta kejayaan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Pihak kerajaan melalui KKLW akan sentiasa berusaha untuk memberikan bantuan dari aspek pembangunan sendiri, mahupun bantuan kewangan melalui program-program dasar yang telah dirancang bagi memastikan slogan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" dapat direalisasikan.

12. Usaha ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya KKLW benar-benar serius dalam agenda untuk mentransformasikan masyarakat luar bandar khususnya belia dari kalangan pelajar untuk meningkatkan tahap penguasaan ilmu dan pencapaian akademik.

13. Adalah diharapkan para pelajar yang akan mengikuti Tuisyen Rakyat@KKLW ini mendapat manfaat daripada kelas bimbingan yang diadakan sekali gus dapat mencapai kejayaan di dalam peperiksaan yang akan dihadapi kelak.

Penutup

Para hadirin yang dihormati sekalian,

14. Di kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutamanya Kerajaan Negeri, Agensi-agensi di bawah Kementerian. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih dan penghargaan kepada ibu bapa, guru dan para pendidik yang turut terlibat dalam menjayakan program ini.

15. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan Majlis Pelancaran Program Tuisyen Rakyat@KKLW bagi tahun 2016.

Sekian, terima kasih.